

**MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN DI
 MALAYSIA: PERANAN DAN RELEVANSI PENUBUHANNYA**

*MUZAKARAH OF THE FATWA COMMITTEE OF THE NATIONAL COUNCIL IN
 MALAYSIA: ITS ESTABLISHMENT ROLE AND RELEVANCY*

Muhammad Ikhlas Roseleⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti
 Malaya
 ikhlas@um.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Kewujudan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJF) merupakan satu perkembangan yang positif dalam institusi fatwa. Namun, wujud kekeliruan kedudukan dan peranan sebenar institusi tersebut dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan kedudukan dan peranan MJF dan menganalisis relevansi penubuhannya di Malaysia. Kajian dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif yang mana data-data perpustakaan digunakan sepenuhnya. Kajian mendapati MJF mempunyai peranan yang penting di Malaysia, bahkan penubuhannya mampu menyelaraskan fatwa antara institusi-institusi fatwa negeri dan ia mampu memainkan peranan pengeluar fatwa bagi persekutuan.</i></p> <p><i>Kata kunci: Fatwa, persekutuan, kekeliruan, peranan.</i></p>	<p><i>The establishment of the National Fatwa Committee (NFC) is a positive development in the fatwa institutions. However, there was some confusion arose regarding the institution's position and its actual role in society. Therefore, this study will clarify the position, the role of NCF and analyze the relevancy of its establishment. The study was conducted using a qualitative approach in which data library are fully utilized. This study found out that NCF plays very important role in Malaysia, even capable of coordinating fatwa that were issued by the state fatwa institutions as it is also plays significant role for federal fatwa issuance.</i></p> <p><i>Keywords: Fatwa, federal, confusion, role</i></p>

PENDAHULUAN

Fatwa yang bererti menyampaikan hukum Allah pada asasnya adalah tugas individu. Individu yang dimaksudkan adalah orang yang tinggi ilmunya dan tajam pemikirannya (al-Ahmadi, 1989). Oleh kerana itulah pada asasnya seorang mufti itu adalah mujtahid (al-Syawkani, 2003), justeru seorang mufti mestilah

memenuhi syarat-syarat ijtihad. Mufti atau berfatwa adalah suatu tugas yang berat kerana ia penyambung tugas

Rasulullah SAW. Mufti juga perlu sentiasa meraikan permasalahan mustafti (orang yang memohon fatwa) yang bertanyakan hukum yang tidak diketahuinya atau penyelesaian isu-isu semasa. Oleh itu, tugas mufti dan berfatwa terus berlangsung hingga zaman bertukar zaman.

Di Malaysia, aktiviti fatwa telah diinstitusikan sehingga wujudnya institusi fatwa bagi setiap negeri. Oleh itu, tidak wujudnya fatwa persendirian yang dianggap rasmi kerana ia telah digalas oleh institusi fatwa. Walaupun jawatan mufti wujud dalam institusi fatwa namun ia dibantu oleh beberapa individu dan jabatan dalam mengeluarkan fatwa seperti timbalan mufti dan jawatankuasa istinbat (Muhammad Ikhlas, et.al., 2013), penginstitusian ini dianggap mengambil kira syarat untuk menjadi mufti yang ketat (Ibn Salah, 1986), oleh itu perlunya badan yang mampu mengeluarkan fatwa secara bersama atau melakukan ijtihad kolektif. Selain itu, wujudnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia) peringkat kebangsaan yang bertindak menyeragamkan fatwa antara negeri (JAKIM, 2013).

Oleh kerana wujudnya pelbagai institusi fatwa di Malaysia, maka wajar untuk dijelaskan kedudukan institusi-institusi fatwa tersebut. Tambahan pula wujudnya beberapa persoalan hasil dari salah faham dan kekeliruan masyarakat terhadap kedudukan institusi fatwa di Malaysia. Dr. Asyraf Wajdi Dusuki antara yang tampil menjelaskan kekeliruan ini, menurut beliau (themalayonline, 2016);

sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh muzakarah atau persidangan tersebut cuma pandangan agama dan tidak lebih daripada itu

Selanjutnya beliau menjelaskan;

Istilah 'fatwa' yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang sering disalah lapor sebagai 'Majlis Fatwa Kebangsaan', hanyalah sekadar pandangan agama yang tiada kesan mahupun kuasa perundangan

Justeru, adalah wajar menjelaskan kedudukan, peranan dan relevansi penubuhan muzakarah jawatankuasa fatwa di Malaysia. Hal ini dapat menjelaskan sistem fatwa dan institusi fatwa di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga mengemukakan beberapa pandangan untuk memperkasakan institusi fatwa di Malaysia. Kajian yang dilakukan berasaskan pendekatan kualitatif bersumberkan data-data kepustakaan akan mengemukakan pengenalan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJF). Selanjutnya kajian akan menjelaskan peranan MJF dan menganalisis relevansi penubuhan MJF di Malaysia.

PENGENALAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA

Setiap negeri di Malaysia mempunyai institusi atau jawatankuasa fatwa yang bertindak membincangkan dan memutuskan hukum terhadap isu yang berbangkit. Selain jawatankuasa fatwa peringkat negeri, terdapat jawatankuasa fatwa peringkat kebangsaan, iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (JFMKBHEUIM) di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI). Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah ditubuhkan pada awal tahun 1970.

Penubuhan MKI adalah melalui persidangan Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 1 Julai 1969. Majlis ini ialah sebuah badan kebangsaan bagi menyelaraskan kerja, aktiviti dan pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia. Negeri-negeri yang menganggotai Majlis ini adalah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak (Mohd Nazri, 2004).

Penubuhan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJF) bertindak sebagai sebuah institusi pengeluar fatwa peringkat kebangsaan di Malaysia dalam rangka menyelaraskan dan menyeragamkan keputusan fatwa di seluruh negara (Mohd Mohadis, 2007). Jawatankuasa ini juga dianggap sebagai badan yang paling berautoriti dalam mengeluarkan fatwa di Malaysia (Noor Naemah, Abdul Karim, Rahimin Affandi & Raihanah, 2005). Persidangan pertama telah dijalankan pada 23-24 Jun 1970 oleh Jawatankuasa Fatwa MKI dan sehingga Mei 1980 sebanyak 18 kali persidangan telah dilangsungkan. Selepas itu, persidangan masih terus berlangsung yang mana kini lebih dikenali sebagai muzakarah (INFAD, 2010).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa merupakan medium untuk membincangkan apa-apa persoalan yang berbangkit mengenai hukum syarak oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (Arik Sanusi, 2001). Mesyuarat kali pertama Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (dahulu Muzakarah Mufti-Mufti) diadakan pada 28 Januari 1981 yang bertempat di Melaka (Mohd Akram, 2012).

dalam jawatankuasa ini adalah terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh MKI yang kini (2017) disandang oleh Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Haji Husin dibantu oleh Setiausaha Jawatankuasa Fatwa MKI yang disandang oleh Dato' Haji Othman bin Mustapha, mufti bagi setiap negeri, sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional di samping seorang ahli dari Perkhidmatan Kehakiman atau Undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-raja, menurut perkara 11(a) Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKBHEAIM).

PERANAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA

Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis ini ialah membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau

seseorang ahli Majlis dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran seperti mana yang termaktub di dalam perkara 14 Peraturan MKBHEAIM (JAKIM, 2013; Zaini, 2005). Antara tugas Majlis ini juga ialah memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Islam Negeri atas perkara-perkara yang berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak membaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran (Hasnan Kasan, 2008). Ini menunjukkan bahawa MJFK memainkan peranan yang penting dalam memastikan keseragaman fatwa-fatwa yang dikeluarkan (Mohd Nazri, 2004).

Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab menjadi pengeluar hukum /fatwa, jawatankuasa ini perlu melalui kaedah-kaedah penting dalam proses pengeluarannya. Antaranya menerusi mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI (JFMKI). Iaitu selepas jawatankuasa menerima arahan supaya mengeluarkan hukum berkenaan sesuatu isu tertentu hasil daripada mesyuarat yang telah dijalankan oleh Majlis Raja-raja. Seterusnya mesyuarat akan dijalankan diperingkat jawatankuasa fatwa pula. Selepas mendapat persetujuan daripada anggota mesyuarat, keputusan hukum tersebut akan dirafa'kan kepada Mesyuarat Majlis Raja-raja menerusi MKI. Keputusan hukum yang telah diterima oleh Majlis Raja-raja seterusnya akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri (JAKIM, 2013). Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri tidak boleh sewenang-wenangnya meminda fatwa tersebut tanpa kebenaran rasmi dari Majlis Raja-raja (Zaini, Hayatullah, Zuliza & Mohd Rizal, 2012).

Kaedah seterusnya ialah melalui muzakarah JFMKI. Sebarang persoalan hukum atau isu yang dikemukakan oleh masyarakat akan dikaji. Seterusnya kertas kerja mengenai isu tersebut akan disediakan dan akan dibentangkan dalam panel Mesyuarat Panel Kajian Syariah. Selepas itu, kertas kerja berserta keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah akan dibentangkan pula dalam Muzakarah JFMKI. Hasil daripada keputusan dariada muzakarah itu kemudiannya akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Tertakluk kepada negeri sama ada meminda keputusan itu atau menerimanya tanpa sebarang pindaan (JAKIM, 2013; INFAD, 2010). Keputusan yang dicapai dalam muzakarah ini tidak bersifat mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota (Abdul Monir, 1998).

RELEVANSI PENUBUHAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA

Bagi menjelaskan salah faham dan kedudukan sebenar MJF, kajian ini akan mengemukakan beberapa hasil tinjauan mengenai relevansi penubuhan MJF. Relevansi penubuhan MJF akan dikemukakan berasaskan beberapa aspek iaitu; aspek kedudukan MJF di Malaysia, aspek perundangan dan aspek pembahagian bidang fatwa.

Kedudukan MJF di Malaysia

Penubuhan MJF adalah untuk menjalankan atau melaksanakan peranan tertentu bagi pihak MKI. Oleh itu MJF mempunyai tugas khusus terutamanya dalam

bidang pempfatwaan. MJF bertindak sebagai badan yang menyelaras, mengurus dan membincangkan isu hukum yang juga dianggotai oleh para mufti bagi setiap negeri. Hal ini jelas apabila dirujuk kembali kepada asas penubuhan MKI yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja, MKI berhak menubuhkan MJF bagi tujuan melaksana dan menyandang tugas-tugasnya. Perkara ini boleh difahami dalam perkara 10, Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia:

Majlis adalah berkuasa melantik jawatankuasa kecil bagi menguruskan apa-apa perkara berkenaan dengan tugasnya dan majlis boleh jika difikirkan perlu untuk melantik orang-orang lain menjadi ahli jawatankuasa bagi jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa tugas yang disandang kepada MKI telah disalurkan kepada MJF sebagai salah satu jawatankuasa yang ditubuhkan. Oleh itu, tindakan MJF juga dilihat selaras dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Justeru tidak dinafikan bahawa penubuhan MJF adalah sesuatu yang bertepatan dengan undang-undang dan mempunyai peranan yang besar.

Perlu juga difahami bahawa MJF bukanlah satu badan fatwa yang bertindak di peringkat nasional. Ia sebagai satu badan yang menyatukan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dalam membincangkan sesuatu isu hukum. Tambahan pula di dalam MJF sendiri tidak wujudnya jawatan mufti (yang boleh dianggap sebagai mufti diperingkat kebangsaan atau ketua mufti) bahkan yang wujud hanyalah pengerusi MJF. MJF juga bukanlah seumpama Arab Saudi, Mesir, Syiria, Oman, dan selainnya yang mempunyai institusi fatwa di peringkat antarabangsa dan mewujudkan jawatan mufti yang mewakili negara. Sebagai contoh, di Arab Saudi terdapat jawatan mufti yang disebut sebagai al Mufti al 'Am (Mufti Umum) yang kini dipegang oleh Syeikh 'Abdul 'Aziz Al al-Syeikh. Mufti umum adalah kedudukan tertinggi dalam autoriti agama di Arab Saudi. Tugas utamanya adalah mengeluarkan fatwa dalam persoalan keagamaan dan kepentingan sosial. Sistem kehakiman Saudi juga sangat terikat dengan pandangan daripada Mufti Umum (Baamir, 2010). Oleh itu, jelas MJF bukanlah satu badan yang bertindak di peringkat nasional.

Namun begitu ia tidak menafikan kepentingan MJF sebagai rujukan yang bersifat antarabangsa dan mewakili Malaysia di dalam hal kefatwaan. Hal ini kerana wujudnya keperluan satu jawatankuasa yang mengeluarkan fatwa di peringkat kebangsaan yang boleh dijadikan rujukan dunia luar. Fatwa negeri tidak boleh dijadikan rujukan kerana terlalu bersifat lokal. Dalam dunia akademik juga membuktikan bahawa institusi fatwa di peringkat kebangsaan menjadi rujukan utama dalam melakukan kajian. Hal ini kerana fatwa di peringkat kebangsaan telah diputuskan berasaskan pandangan yang luas dan mengambilkira situasi yang lebih holistik.

Begitu juga wujudnya kepentingan jika suatu badan fatwa di peringkat kebangsaan berjaya ditubuhkan. Jika penubuhan badan ini dapat direalisasikan ia bakal mendatangkan natijah seperti (Baamir, 2010);

1. Menyelaras fatwa di peringkat negara
2. Melakukan penyelidikan dan pembangunan, penerbitan, pewartaan dan penguatkuasaan fatwa di Malaysia
3. Mengadakan Hubungan kerjasama dalam bidang-bidang berkaitan fatwa di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Selain itu, dengan kewujudan MJF ia telah berfungsi merencanakan aktiviti kefatwaan di Malaysia. Telah banyak isu semasa yang dapat diselesaikan bersama mufti negeri-negeri di Malaysia. Dan ini membuktikan kerjasama MJF dengan pihak mufti negeri mendatangkan hasil yang memberangsangkan. Sebagai menguatkan lagi kenyataan ini, MJF pada tahun 1970 hingga tahun 2012 telah memutuskan sebanyak 306 fatwa. Fatwa tersebut dibahagikan ke dalam 12 kategori iaitu akidah, ibadah, jenayah, muamalat/ekonomi, perubatan, zakat, munakahat, makan dan minum, pakaian, haiwan, sosial/syariah dan lain-lain. Pembahagian fatwa dalam kategori tersebut seperti dalam jadual berikut :

Jadual 1 : Jumlah fatwa mengikut kategori

Kategori	Jumlah Fatwa	Kategori	Jumlah Fatwa
Akidah	40	Munakahat	29
Ibadah	24	Makan dan Minum	17
Jenayah	0	Pakaian	1
Muamalat/Ekonomi	37	Haiwan	16
Perubatan	28	Sosial/Syariah	86
Zakat	27	Lain-lain	1
		Jumlah	306

Sumber : e-fatwa.gov.my, 2016

Fatwa-fatwa tersebut telah menjadi rujukan oleh masyarakat dan para pengkaji. Hal ini telah memberi impak positif dalam memberi dan mengembangkan kefahaman Islam di Malaysia.

Aspek Bidangkuasa dan Perundangan

Sebagaimana dimaklumi bahawa wujudnya pembahagian bidang kuasa yang dilakukan antara persekutuan dan negeri di dalam Perlembagaan Persekutuan. Lantaran itu, didapati persoalan agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri (Hamid, 1991; Ahmad & Ahilemah, 2002) sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 74(2);

Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Begitu juga di dalam butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai bidang kuasa Negeri dalam hal yang melibatkan agama Islam dan hukum syarak;

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkhawinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Perlembagaan Persekutuan ini jelas memperuntukkan hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri. Walaupun jika diamati di dalam Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan tidak menyatakan mengenai fatwa dan institusi fatwa. Oleh itu, persoalan mengenai urusan fatwa tidak dinyatakan secara jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan walaupun terdapat penafsiran yang menyatakan urusan kefatwaan terangkum di bawah urusan pentadbiran hal ehwal Islam secara umum (Shamrahayu, 2015). Justeru, untuk mendakwa urusan fatwa adalah di bawah bidangkuasa negeri secara pasti boleh dipersoalkan. Implikasinya MJF boleh diiktiraf kedudukannya sebagai suatu badan fatwa

diperingkat kebangsaan tanpa wujud tanggapan ia mencampuri bidang kuasa negeri.

Selain itu, MJF dapat memainkan peranan mengeluarkan fatwa mewakili bidang kuasa persekutuan. Hal ini kerana jika merujuk Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan terdapat beberapa bidang yang tidak disenaraikan seperti bidang jenayah, kewangan dan hubungan antarabangsa. Bidang tersebut juga melibatkan agama Islam namun tidak diletakkan di bawah bidangkuasa negeri bahkan ia merupakan bidang kuasa persekutuan. Hal ini sebagaimana termaktub di dalam Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, undang-undang dan tata cara sivil dan pentadbiran keadilan, jentera kerajaan, kewangan, perdagangan, pendidikan, perubatan dan selainnya merupakan bidang kuasa persekutuan.

Tugas mengeluarkan fatwa bagi bidangkuasa tersebut adalah sewajarnya disandangkan kepada MJF. Sebagai contoh isu-isu yang terkini adalah seperti cukai GST, militan Daesh, vaksin, pendermaan mayat, kehartaan dan seumpamanya. Isu-isu tersebut perlu diselesaikan diperingkat persekutuan bukannya negeri berikutan ia bukanlah dibawah bidangkuasa negeri. Jika negeri tetap mengeluarkan fatwa berkaitan isu tersebut dikhuatiri akan wujudnya percanggahan keputusan hukum dengan pertimbangan persekutuan. Oleh itu, penubuhan MJF adalah sesuatu yang relevan dan mendatangkan kemaslahatan dalam pentadbiran hukum dan fatwa.

Aspek Pembahagian Bidang Fatwa

Rentetan daripada perbincangan sebelum ini (perbezaan bidangkuasa), telah mewujudkan satu gambaran bahawa terdapat pembahagian bidang fatwa antara MJF dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Iaitu, MJF lebih tertumpu kepada memikul tanggungjawab persekutuan manakala Jawatankuasa Fatwa Negeri memutuskan hukum berkaitan hal ehwal umat Islam di negeri masing-masing. Namun, sekiranya dilihat dari perspektif yang lebih luas terhadap peranan MJF adalah lebih umum. Hal ini berbalik kepada peranannya yang menyelaras dan menyeragamkan fatwa bagi setiap negeri (Mohamed Azam, 2014). Secara kasarnya didapati terdapat beberapa isu yang diputuskan di peringkat negeri tidak sesuai untuk dijadikan rujukan atau contoh bagi negeri lain terutamanya fatwa yang melibatkan uruf dan realiti setempat contohnya penentuan kadar uruf zakat emas perhiasan (Ummi Farahin, Noor Naemah & Muhmmad Ikhlas, 2016), fatwa pemindahan kubur, pembinaan masjid di lokasi tertentu di Pulau Pinang (Mashidah Munir, 2003) dan seumpamanya. Oleh itu, adalah relevan wujudnya satu institusi yang memberikan garis panduan hukum yang umum terhadap isu-isu tertentu.

Selain itu, keputusan hukum atau fatwa MJF tidak bersifat mengikat bahkan tidak boleh diwartakan. Ia tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk menerima, meminda atau mewartakan fatwa tersebut (Mohd

Nasran & Zulfaqar, 2014). Keadaan ini secara terang menunjukkan fungsi MJF adalah berbeza dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri. MJF hanyalah bertindak melancarkan dan memberi penjelasan awal mengenai hukum sesuatu isu untuk pertimbangan atau tindakan lanjut Jawatankuasa Fatwa Negeri. Justeru, apabila sesuatu keputusan telah dibuat oleh MJF, ia telah memberikan gambaran atau garis panduan awal kepada setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri terhadap isu tersebut, justeru keseragaman fatwa boleh direalisasikan.

KESIMPULAN

Kajian telah mengemukakan pengenalan terhadap MJF dan kedudukannya di Malaysia. Ia sebagai badan yang mengurus dan menyelaraskan fatwa antara institusi fatwa negeri di antara negeri dan bukannya satu badan fatwa yang khusus diperingkat antarabangsa. Selain itu peranan dan relevansi penubuhannya juga telah dijelaskan bagi mengelakkan kekeliruan mengenai MJF. Penubuhan MJF dilihat relevan dan mampu memperkasakan aktiviti fatwa di Malaysia, bahkan MJF mampu menjadi badan penyelesaian terhadap isu-isu besar yang membabitkan keselamatan, kesihatan dan pengurusan kerajaan. Ia juga satu badan yang penting dalam melancarkan aktiviti kefatwaan di Malaysia. Sebarang kekeliruan dan persepsi negatif mungkin akan merencatkan aktiviti MJF yang juga merencatkan aktiviti kefatwaan.

RUJUKAN

Buku

- Ahmad HidAl-Ahmadi, Muhammad (1989). *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misr.
- Mohd Nazri A. (2004). *Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Fatwa-Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia*. Disertasi Sarjana Syariah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Mohd. Mohadis Y. (2007). *Pengurusan dan Penyelarasan fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 1: 119-135.
- Noor Naemah A. R., Abdul Karim A., Rahimin Affandi A. R. dan Raihanah A. (2005). "Metode Pengeluaran Fatwa Diantara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFK) dan Majlis Ulama Indonesia (MUI) Analisis Perbandingan." Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia 2005, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005.
- Arik Sanusi Y. J. (2001). "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan." Dalam Hajah Wan Morsita Wan Sudin (ed.) *Monograf al-Ifta'* (Siri 1). Selangor: JAKIM.
- Mohd Akram D. (2012). "Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura." Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zaini N. (2005). *Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*. ISLAMIYYAT,

- 27(1): 25-44.
- JAKIM (2013). "Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam." Diakses pada 6 Februari 2013 dari <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>
- Zaini N., Hayatullah L., Zuliza M. K. dan Mohd Rizal M. (2012). "Standardisation of Fatwa in Malaysia: Management and Problems." *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6): 923-929.
- Abdul Monir Yaacob (1998). "Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia". Dalam Abdul Monir Yaacob & Wan Roslili Abd. Majid (ed.), *Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Baamir, A. Y. (2010). *Shari'a Law in Commercial and Banking Arbitration: Law and Practice in Saudi Arabia*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Hamid J. (1991). *The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad I. & Ahilemah J. (2002). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- Shamrahayu A. A. (2015). "Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara". Makalah Persidangan Meja Bulat, *Pemeriksaan Institusi Kefawaan: Mendepani Cabaran Sebagai Sumber Rujukan Syariah di Malaysia*, IKIM, April 2015.
- Al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali (2003). *Irsyad al-Fukhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul*. Damsyiq: Dar Ibn Kathir.
- Mohd. Nasran M. & Zulfaqar M. (2014). *Penerimaan dan Penyelarasan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Oleh Negeri-Negeri*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4: 33-66.
- Hasnan K. (2008). *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM.
- Mashidah Munir Abd. Rahman (2003). "Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang dari Tahun 1995 Hingga 2002: Satu Analisis." *Kajian ilmiah Jabatan Fiqh dan Usul yang tidak diterbitkan*, Universiti Malaya.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj. Ismail & Mohd Anuar Ramli. *Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal*. *Jurnal Fiqh*, 10: 31-56.
- Ibn Salah (1986). *Fatawa wa Masa'il Ibn Salah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Jurjani, A. bin M. (n.d.). *at-Ta'rifat*. Dar al-Diyan li al-Turath.
- Al-Razi, Z. al-D. (1988). *Mukhtar al-Sihah* (Muassasah). Beirut.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (7th ed.). Harlow: Pearson Prentice Hall.
- Hasnan, K. (2006). *Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasakan Fatwa di Semenanjung Malaysia*. *Malaysian Journal of Law and Society*, 10, 1-19.
- Muhammad Ikhlas, R., Luqman, A., Paizah, I., & Mohd Anuar, R. (2013). *Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal*. *Jurnal Fiqh*, 10(10), 31-56.
- Nooh Gadut. (2006). *Pengurusan Fatwa di Malaysia*. *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*, 55-78.
- Polit, D. F., Beck, C. ., & Hungler, B. P. (2001). *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization* (5th ed.). Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins. Retrieved from <http://sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.html>
- Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia. (1998). *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur.

Laman Web

- Mohamed Azam M. A. (2014). "Kewajipan Patuh Kepada Fatwa". Diakses pada 21 Ogos 2016 dari <http://www.utusan.com.my/rencana/kewajipan-patuh-kepada-fatwa->

- 1.23284#sthash.YVmqQ7qC.dpuf
The Malay Online (2016). “Asyraf Wajdi: ‘Majlis Fatwa Kebangsaan’ Tak Wujud, Tiada Kuasa Perundangan”. Diakses pada 21 Ogos 2016 dari <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/asyraf-wajdi-majlis-fatwa-kebangsaan-tak-wujud-tiada-kuasa-perundangan#sthash.xRs5bB0U.dpuf>
- INFAD (2010). “Institusi Fatwa Peringkat Kebangsaan di Malaysia.” Diakses pada 24 Jan 2013. dari http://www.e-infad.my/i-fms/index.php?option=com_content&view=article&id=26&Itemid=53
- JAKIM (2013). Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Diakses pada 6 Februari 2013 dari <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysiaayat>, B. (2002). Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 10(1), 39–52.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.